



## JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

### PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010 SEJARAH TINGKATAN 4

1249/1

Kertas 1  
OKTOBER  
1 jam

Satu jam

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, A,B,C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan. Padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

*Disediakan oleh:*  
AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Dibiayai oleh:*  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU


#### TERENGGANU ANJUNG ILMU

*Dicetak oleh:*  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652 8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 1 Rajah di bawah berkaitan dengan perkembangan petempatan awal tamadun Mesopotamia.



Apakah faktor asas yang membawa kepada perkembangan tersebut?

- A Kekayaan hasil galian
  - B Kekuatan angkatan tentera
  - C Kemajuan aktiviti pertanian
  - D Kesetiaan rakyat terhadap raja
- 2 Senarai berikut berkaitan dengan sistem tulisan awal yang diperkenalkan di dunia.

- *Hieroglif*
- *cuneiform*
- *Ideogram*

Apakah peranan sistem tulisan tersebut?

- A Membasmi buta huruf
  - B Menyebarkan ilmu pengetahuan
  - C Mempertingkatkan taraf kehidupan
  - D Meluaskan kegiatan perdagangan
- 3 Apakah persamaan antara bandar Harappa dan Mohenjo-Daro dalam tamadun Indus?
- A Dijadikan bandar diraja
  - B Dibina secara terancang
  - C Diterajui golongan artisan
  - D Dimajukan oleh orang Aryan
- 4 Pernyataan di bawah berkaitan dengan sumbangan tamadun Hwang Ho

Tamadun Hwang Ho memperkenalkan falsafah perang Sun Tzu seperti dalam karyanya, "the Art of War"


Bidang manakah yang mendapat manfaat daripada falsafah tersebut pada hari ini?

- A Perubatan
- B Perniagaan
- C Perkahwinan
- D Pemakanan seimbang

5 Apakah persamaan sistem pemerintahan demokrasi Yunani dengan yang diamalkan di Malaysia hari ini?

- A Raja sebagai ketua kerajaan
- B Dewan Rakyat meluluskan belanjawan
- C Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara
- D Dewan Negara diterajui oleh Perdana Menteri

6 Rajah di bawah merujuk kepada undang-undang yang diamalkan pada zaman tamadun Rom



Apakah ciri-ciri yang berkaitan dengan undang-undang tersebut?

- A Hukuman setimpal dengan kesalahan
- B Undang-undang digubal oleh raja
- C Hukuman berasaskan bukti yang mencukupi
- D Hukuman mengikut status sosial

7 Mengapakah Maharaja Shih Huang Ti telah mengarahkan pembinaan Tembok Besar China?

- A Mengelak penguasaan gabenor dan panglima
- B Mengelak penguasaan golongan bangsawan
- C Mempertahankan perluasan kuasa Changdragupta Maurya
- D Mempertahankan daripada serangan orang gasar


8 Menurut ajaran Confucius untuk mencapai ketinggian moral, seseorang itu haruslah

- A dikawal undang-undang yang tegas
- B disediakan kemudahan
- C diberi pendidikan
- D diberi nasihat

9 Apakah kehebatan teknologi yang dimiliki oleh kerajaan Angkor?

- A Bandar terancang
- B Sistem pengairan
- C Pembinaan kapal
- D Penciptaan roda

- 10 Senarai berikut merujuk kepada pelabuhan utama kerajaan awal di Asia Tenggara.



Apakah fungsi pelabuhan tersebut?

- A Menjadi pusat pengumpulan hasil laut
  - B Menjalankan aktiviti membaiki kapal
  - C Menjalankan kegiatan perdagangan
  - D Membekal bahan berasaskan logam
- 11 Penyataan di bawah berkaitan amalan dalam sistem pentadbiran kerajaan Srivijaya.

Dalam upacara angkat sumpah di Srivijaya, datu akan meminum air yang disiram pada batu bersurat di sebuah tempat suci bernama Telaga Batu.

Apakah tujuan datu mengikuti upacara tersebut?

- A Memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja
  - B Membezakan kedudukan datu dengan rakyat biasa
  - C Mendapat pengiktirafan untuk memerintah daerah
  - D Menjamin kesejahteraan rakyat jelata
- 12 Maklumat di bawah merujuk hasil kesusasteraan di Asia Tenggara.

- Nagarakertagama
- Hikayat Pandawa Lima

Apakah kesimpulan berkaitan hasil kesusasteraan di atas?

- A Diminati para bangsawan
- B Ditulis golongan pendeta
- C Dipengaruhi oleh unsur India
- D Dijadikan dasar perundangan

13 Senarai di bawah mempunyai kaitan dengan Nabi Muhammad s.a.w.

- Halimatus Sa'diyah
- Abdul Muttalib
- Abu Talib

Apakah sumbangan ketiga-tiga tokoh tersebut?

- A Mendorong baginda menyebarkan Islam
- B Memberikan modal untuk diniagakan
- C Menggalakkan baginda bertahannuth
- D Menjaga baginda semasa kecil

14 Mengapakah Khadijah binti Khuwailid digelar sebagai *al-thaharah* (bersih)?

- A Mentaati Nabi Muhammad s.a.w dan ajaran Islam
- B Menjauhi maksiat dan adat yang bertentangan dengan Islam
- C Memberi bantuan kepada golongan hamba yang memeluk Islam
- D Memberi modal yang besar kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk diniagakan.

15 Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w ialah surah al-Alaq.

Apakah kepentingan wahyu tersebut?

- A Menjelaskan tentang Islam
- B Menekankan kepentingan bersolat
- C Memerintah umat Islam supaya membaca
- D Mewajibkan Nabi Muhammad s.a.w menyebarkan Islam

16 Apakah sumbangan Al-Arqam bin Abu Arqam kepada penyebaran Islam?

- A Menjalankan dakwah Islamiah secara terbuka
- B Memperkenalkan unsur baru dalam Islam
- C Menjadikan rumahnya pusat kegiatan Islam
- D Memerdekakan golongan hamba

17 Mengapakah Perjanjian Aqabah Pertama dan Kedua dianggap penting kepada sejarah Islam?

- A Merintis kepada pembentukan kerajaan Islam
- B Menjadikan Makkah pusat penyebaran Islam
- C Penawanan semula Kota Makkah oleh orang Islam
- D Penerimaan agama Islam oleh masyarakat Arab Makkah

18 Apakah faktor pendorong berlakunya peristiwa berikut?

Selepas Perjanjian Aqabah Kedua, orang Islam dari Kota Makkah mulai berhijrah ke Madinah

- A Kesanggupan orang Madinah meninggalkan adat resam mereka
- B Kesanggupan orang Madinah mempertahankan Islam
- C Jaminan penguasaan ekonomi kepada orang Islam
- D Kesanggupan orang Yahudi bertolak ansur

19 Dalam peperangan Badar, tawanan kanak-kanak dan wanita dibebaskan sementara tawanan lelaki diberi syarat untuk membebaskan diri.

Apakah syarat yang dikenakan untuk membebaskan tawanan lelaki dalam peperangan di atas?

- A Membayar wang tebusan
- B Menyerahkan kembali harta rampasan perang
- C Berjaya mengajar kanak-kanak Islam membaca dan menulis
- D Boleh mengajar orang-orang yang buta huruf sehingga pandai

20 Maklumat berikut menerangkan khutbah hari terakhir Nabi Muhammad s.a.w.

“...Hai manusia, saya telah meninggalkan kepada kamu satu pusaka dan kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi kamu masih berpegang kepada pusaka ini”.

Apakah pusaka yang dimaksudkan?

- A al-Quran dan qias
- B al-Quran dan sunnah
- C Hadis dan ijmak
- D Hadis dan qias

21 Pada tahun 632 M. Nabi Muhammad s.a.w telah wafat.

Apakah dugaan besar yang dihadapi oleh umat Islam berikutan peristiwa tersebut?

- A Menentukan bayaran zakat
- B Menghadapi serangan Rom dan Parsi
- C Menyusun semula penulisan al-Quran
- D Mendapatkan calon bagi menggantikan baginda

22 Bagaimanakah cara pemilihan khalifah pada zaman khulafa al-Rasyidin?

- A Menerusi Majlis Syura
- B Melalui bantuan suku kaum
- C Mendapat sokongan keluarga
- D Menerusi wasiat pemerintah terdahulu

23 Apakah persamaan yang terdapat pada tokoh di bawah?

- Abdul Rahman I
- Muawiyah bin Abu Sufyan

- A Pengasas kerajaan Bani Umayyah
- B Penolong kepada Khalifah Ali bin Abi Talib
- C Pegawai penting Khalifah Umar bin al-Khattab
- D Panglima Perang terkenal semasa zaman Khulafa al-Rasyidin

24 Senarai berikut merujuk kepada tokoh Islam.

- Zakaria al-Razi
- Al-Zahrawi
- Ibn Sina

Apakah persamaan ketiga-tiga tokoh tersebut?

- A Menulis buku-buku falsafah
- B Mahir dalam bidang perubatan
- C Melibatkan diri dalam bidang agama
- D Menyebarkan ilmu melalui pengembaraan

25 Apakah persamaan tokoh di bawah?

- John Crawford
- Snouck Hurgronje
- Emanuel Gadinho Eredia

- A Memulakan pentabdiran Barat
- B Memperkenalkan ilmu algebra
- C Menterjemahkan karya falsafah Arab
- D Mengemukakan teori kedatangan Islam

26 Mengapakah Sultan Mansur Shah menghantar kitab al-Dur al-Manzum ke Samudera-Pasai?

- A Untuk dibahaskan
- B Sebagai mas kahwin
- C Untuk diterjemahkan
- D Sebagai tanda persahabatan

- 27 Apakah kriteria penganugerahan jawatan syahbandar kepada seorang pedagang Islam di sesebuah pelabuhan di Asia Tenggara?
- A Mentaati pemerintah
  - B Mahir berniaga
  - C Bersifat jujur
  - D Cepak mentadbir

- 28 Tokoh berikut memainkan peranan penting membantu Melaka menyebarkan Islam di Asia Tenggara.

Tokoh	Negeri
Bendahara Tun Perak	Melaka

Bagaimanakah beliau melaksanakannya?

- A Menyertai para ulama
  - B Menjalankan peluasan kuasa
  - C Menghasilkan kitab ilmu tasawuf
  - D Mengislamkan golongan pemerintah
- 29 Tokoh berikut berperanan penting dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Makhdum Sayid Abdul Aziz</li><li>• Maulana Abu Bakar</li><li>• Maulana Sadar Jahan</li></ul> |
|--|

Apakah persamaan tokoh di atas?

- A Menasihati pemerintah
- B Menetapkan istiadat diraja
- C Mengetuai utusan diplomatik
- D Menkuatkuasakan undang-undang



- 30 Undang-undang berikut dilaksanakan dalam kerajaan Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukum Kanun Melaka</li> <li>• Undang-undang Perak</li> <li>• Undang-undang Pahang</li> </ul> |
|---|

Apakah kepentingan undang-undang tersebut?

- A Menentukan corak pemerintahan
- B Menyekatkan peluasan pengaruh kerajaan luar
- C Menetapkan sempadan antara negeri
- D Menghadkan bidang kuasa raja

- 31 Jadual di bawah menerangkan perubahan motif dalam seni ukiran orang Melayu selepas kedatangan Islam.

Motif Seni Ukiran Melayu	
Sebelum Islam	Selepas Islam
Binatang seperti burung dan ayam	X

Apakah X?

- I Tumbuh-tumbuhan
- II Cakerawala
- III Binatang
- IV Geometri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Mengapakah institusi baitulmal diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka?

- A Menetapkan kadar cukai
- B Menguruskan harta kerajaan
- C Mengendalikan adat istiadat istana
- D Menentukan bidang tugas pembesar

- 33 Apakah faktor yang mendorong kemunculan golongan Baron di Eropah pada Zaman Gelap?
- A Kemusnahan kuasa pusat
  - B Kemunculan petani kecil
  - C Kemosotan perdagangan
  - D Keperluan bahan makanan

- 34 Mengapakah gerakan Reformation dapat berkembang dengan pesat di Jerman?
- A Galakan raja
  - B Campur tangan Paus
  - C Penciptaan mesin cetak
  - D Perkembangan perdagangan

- 35 Maklumat di bawah berkaitan dengan Revolusi Pertanian di Eropah.

Sebelum tahun 1761, tuan tanah di Britain menghadapi masalah untuk mengusahakan pertanian secara besar-besaran.

Apakah halangan yang dihadapi oleh tuan tanah di atas?

- A Ketiadaan modal
  - B Kekurangan kemahiran
  - C Kesukaran mendapatkan buruh
  - D Kelemahan sistem pemilikan tanah
- 36 Antara berikut yang manakah mendorong kepada perkembangan Revolusi Perindustrian di Britain?
- I Pertanian komersial
  - II Galakan Kerajaan
  - III Kegiatan keusahawanan
  - IV Rekaan bidang teknologi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 37 Mengapakah pelombong Eropah mampu bersaing dengan pelombong Cina dalam sektor perlombongan bijih timah pada abad ke 20 di Tanah Melayu?
- A Kemampuan modal
  - B Tenaga buruh ramai
  - C Kemudahan pelabuhan
  - D Sokongan pembesar

- 38 Maklumat berikut merujuk kemasukan buruh dari China ke Tanah Melayu.

Seramai 570 orang imigran Foochow telah dibawa masuk ke Sarawak antara bulan Januari hingga Mac 1901

Apakah antara tanaman yang diusahakan oleh imigran tersebut?

- A Kopi
- B Gambir
- C Tembakau
- D Kelapa Sawit

- 39 Maklumat berikut berkaitan sistem perbankan di Tanah Melayu.

Pada abad ke-19 pedagang tempatan di Tanah Melayu hanya boleh mendapatkan perkhidmatan bank Eropah melalui komprador

Apakah yang dimaksudkan dengan komprador?

- A Bank-bank tempatan
- B Pemodal yang rapat dengan British
- C Syarikat perwakilan British
- D Perkhidmatan insurans

- 40 Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pendidikan vernakular?

- A Bahasa ibunda digunakan
- B Masa pembelajaran ditetapkan
- C Terhad kepada golongan dewasa
- D Lengkap dengan pakaian seragam

**KERTAS SOALAN TAMAT**

